

**Bahagian A**  
 [ 40 markah]  
*Jawab semua soalan*

**Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- Menyembah patung berhala
- Mengaku Nabi Isa anak Tuhan

- 1 Perbuatan di atas adalah contoh .....

  - A kufur hakikat
  - B kufur nikmat
  - C syirik khafi
  - D syirik jali

- 2 Kenyataan yang **paling tepat** mengenai bahaya dadah kepada masyarakat ialah
  - A membazir harta, masa dan tenaga
  - B menjadi mundur kerana anggotanya tiada berdaya maju
  - C lalai daripada mengingati dan menunaikan peritah Allah
  - D banyak wang negara dihabiskan bagi menyediakan pusat pemulihan
- 3 Pilih jawapan yang **tepat** mengenai pegangan kumpulan khawarij.
  - A Mengharuskan perkahwinan mut'ah
  - B Berpegang teguh dengan hadis dhaif
  - C membataskan sumber syariat hanya kepada al-Quran sahaja
  - D beriktikad bahawa saidina Ali dan imam mereka sebagai tuhan
- 4 Di antara berikut yang manakah langkah-langkah yang digariskan oleh Ahli Sunnah Waljamaah untuk memelihara akidah?
  - I Membataskan sumber syariat hanya kepada al-Quran sahaja
  - II Mempelajari asas akidah berdasarkan kitab yang muktabar
  - III Menjauhkan diri daripada orang yang mengamalkan ajaran sesat
  - IV Menolak semua hadis yang bukan diriwayatkan oleh Ahlul Bait
    - A I dan II
    - B II dan III
    - C III dan IV
    - D I dan IV
- 5 Antara yang berikut yang manakah bukan perkara wajib haji?
  - A Niat ihram di miqat
  - B Bermalam di Muzdalifah
  - C Wukuf di Padang Arafah
  - D Melontar ketiga-tiga jamrah

[Lihat halaman sebelah]


- 6 Berikut adalah larangan dalam ihram bagi jemaah haji wanita **kecuali**
- memakai pakaian berjahit
  - memotong kuku dan rambut
  - berburu binatang buruan darat
  - menutup muka dan dua tapak tangan

-Memberi kesenangan dan kemudahan kepada jemaah haji  
 -Mengambil masa yang singkat untuk mengerjakan haji dan umrah

- 7 Pernyataan di atas merujuk kepada kelebihan mengerjakan haji
- Tamattuk
  - Badal
  - Ifrad
  - Qiran

-Melontar di ketiga-tiga jamrah  
 -Bermalam di Muzdalifah  
 -Bermalam di Mina

- 8 Jemaah haji yang meninggalkan amalan di atas secara sengaja menyebabkan hajinya
- haram
  - makruh
  - sah tetapi wajib membayar dam
  - batal dan wajib membayar dam



- 9 Dalam rajah di atas **P** ialah
- berniat ihram di miqat
  - bermalam di Muzdalifah
  - melontar ketiga-tiga jamrah
  - melontar di Jamratul Aqabah
- 10 Apakah hukum mengadakan jamuan walimatulurus?
- Wajib
  - Harus
  - Sunat
  - Sunat muakkad

[Lihat halaman sebelah

Suami menyamakan isterinya atau mana-mana anggotanya dengan ibunya atau dengan mana-mana perempuan mahram baginya

- 11 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian
- A taklik  
B talak  
C zihar  
D fasakh
- 12 Pilih pernyataan **yang benar** menerangkan syarat isteri yang dirujuk.
- A masih dalam tempoh idah  
B dijatuhkan dengan talak tiga  
C belum disetubuh oleh suami  
D perceraian secara fasakh atau khuluk
- 13 Di antara berikut yang manakah karya Imam Ahmad bin Hambal r.h. dalam bidang hadis?
- A Al-Musnad  
B Al-Manasik al-Kabir  
C Al-Nasikh Walmansukh  
D Al-Manasik al-Saghir
- 14 Imam Bukhari rahimullah terkenal sebagai ahli \_\_\_\_\_.
- A hadis  
B tafsir  
C fekah  
D tauhid
- Memerangi orang-orang murtad  
-Menggerakkan semula tentera Usamah bin Zaid ke Ghassan
- 15 Pernyataan di atas ialah polisi pentadbiran
- A Saidina Umar al-Khattab r.a.  
B Saidina Abu bakar al-Siddiq r.a.  
C Saidina Uthman bin Affan r.a.  
D Saidina Ali bin Abi Talib karramallahu wajhah

**[Lihat halaman sebelah**

- Pentadbiran yang cekap
- Menghapuskan pemberontakan
- Mempunyai wawasan memajukan negara

16 Pernyataan di atas merujuk kepada faktor kecemerlangan kerajaan bani Umayyah dari aspek

- A kestabilan politik
- B kekuatan ketenteraan
- C kebijaksanaan khalifah
- D hubungan baik kerajaan dengan rakyat

- Khalifah ketiga kerajaan bani Abbasiah
- Mewujudkan jawatan Ketua Hakim
- Menubuhkan “Baitul Hikmah” yang menjadi pusat perkembangan ilmu

17 Pernyataan di atas berkaitan dengan khalifah

- A Abu Jaffar al-Mansur
- B Al-Mutawakkil
- C Al-Makmun
- D Harun al-Rashid

18 Antara berikut yang manakah karya Ibnu Khaldun?

- A Al-Um
- B Al-Faraid
- C Al-Muwata’
- D Al-Muqadimah

19 Antara yang berikut yang manakah **bukan** adab rakyat terhadap pemimpin?

- A Membantu pemimpin memajukan negara
- B Mentaati pemimpin dalam semua perkara
- C Menasihati pemimpin dengan cara yang baik
- D Memberi sokongan padu untuk kepentingan negara

20 Berikut adalah hikmah beradab ketika berzikir **kecuali**

- A dikasihi Allah
- B supaya zikir diterima Allah
- C untuk mendapat ketenangan jiwa
- D mendidik jiwa supaya sentiasa mengingati Allah


**SULIT****Soalan 21 hingga Soalan 40***Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai*

- 21 \_\_\_\_\_ ialah ilmu yang berkaitan dengan perbuatan atau pertolongan makhluk ghaib yang bertujuan untuk memudarangkan manusia.
- 22 Islam telah memperuntukan undang-undang hudud yang tegas iaitu \_\_\_\_\_ pencuri sekiranya barang yang dicuri mencukupi kadar tertentu dan sabit kesalahannya.
- 23 Allah SWT menegaskan bahawa perbuatan \_\_\_\_\_ adalah lebih dahsyat daripada membunuh.


**Soalan 24 hingga Soalan 26***Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan*

Syiah Batiniyah	Qadyani	Taslim	Syiah Imamiah
-----------------	---------	--------	---------------

- 24 Pengasas ajaran \_\_\_\_\_ ialah haji Muhammad bin Syafie atau lebih dikenali dengan panggilan haji Muhammad Matahari.
- 25 Ajaran \_\_\_\_\_ mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah.
- 26 Beriktikad bahawa Ali Karramallahu Wajha dan imam-imam mereka yang lain adalah tuhan adalah ciri ajaran \_\_\_\_\_.
- 27 Penjual, pembeli, barang, harga serta ijab dan kabul ialah \_\_\_\_\_ jual beli.
- 28 \_\_\_\_\_ ialah kenduri yang diadakan untuk meraikan perkahwinan.

*Soalan berikut berdasarkan rajah di bawah.*

- 29 Q dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.



- 30 R dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_.

**[Lihat halaman sebelah**

**SULIT**

31 Syarat-syarat berpoligami ialah tidak melebihi 4 orang isteri, mampu dari segi jasmani dan kewangan serta boleh berlaku \_\_\_\_\_.

32 Syarat orang yang mendapat hak hadanah ialah Islam, sempurna akal, dewasa, dan \_\_\_\_\_.

33 Karya Ibnu Sina \_\_\_\_\_ digunakan sebagai sumber rujukan kepada bidang perubatan dunia.

- Cara berhikmah
- Kata-kata nasihat yang baik
- Berbincang dengan cara yang baik

34 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada adab \_\_\_\_\_.

- S
- Memberi barang yang disayangi
- Tidak mengungkit semula barang yang telah diberi

35 Pernyataan di atas menerangkan adab-adab memberi hadiah dan sedekah. S dalam rajah di atas ialah \_\_\_\_\_

36 Orang yang banyak \_\_\_\_\_ ke atas nabi Muhammad S.A.W akan memperolehi syafaatnya di Akhirat.

**Soalan 37 hingga Soalan 40**

*Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan*

Saham	Hutang	Gadaian	Syarikat	Sewa
-------	--------	---------	----------	------

37 \_\_\_\_\_ ialah sesuatu barang bernilai yang dijadikan cagaran oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman.

38 Kontrak \_\_\_\_\_ tamat dengan sebab tamat tempoh kecuali uzur.

39 \_\_\_\_\_ ialah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan.

40 \_\_\_\_\_ akan terbatal apabila salah seorang rakan kongsi membatalkan penyertaannya.

[Lihat halaman sebelah

## **BAHAGIAN B**

**[60 markah]**

Jawab tiga soalan

**Jawab Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan daripada soalan 3 atau soalan 4.**

- 1 a Kufur hakikat ialah engkar atau menafikan rukun iman dan menolak syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW.

(i) Jelaskan dua contoh perbuatan kufur hakikat. (2 Markah)

(ii) Terangkan dua faktor yang menyebabkan berlakunya kekufuran. (4 Markah)

b Zina merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar yang boleh membawa kepada kehancuran umat.

(i) Nyatakan hukuman terhadap penzina muhsan (berkahwin) dan ghair muhsan (belum berkahwin) ? (2 Markah)

(ii) Jelaskan **dua** kesan buruk daripada perbuatan zina kepada individu. (4 Markah)

Perbuatan melihat, merenung, bercakap antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram tanpa hajat yang diharuskan syarak, duduk berdua-duaan di tempat sunyi, memakai pakaian yang menjolok mata dan sebagainya merupakan perbuatan yang mendorong kepada zina.

- 2

(iii) Berdasarkan pernyataan di atas,uraikan faktor lain yang boleh membawa kepada berlakunya zina dalam masyarakat ? (4 Markah)

c (i) Nyatakan takrif Ahli Sunnah Waljamaah. (2 Markah)

(ii) Jelaskan sebab kita wajib berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah. (4 Markah)

a Melakukan ibadat akikah digalakkan dalam Islam.

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan akikah? (2 Markah)

(ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara aqiqah dan korban. (4 Markah)

(iii) Jelaskan syarat-syarat sah aqiqah. (4 Markah)

b Fasakh merupakan salah satu daripada cara untuk membendung kemudaratan dalam rumah tangga.

(i) Nyatakan **dua** sebab yang membolehkan isteri menuntut fasakh. (2 Markah)

(ii) Jelaskan kesan fasakh kepada suami isteri. (2 Markah)

(iii) Terangkan hikmah diharuskan fasakh dalam Islam. (2 Markah)

[Lihat halaman sebelah

c

Ibu bapa bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan Islam, pendidikan moral, pendidikan jasmani, pendidikan intelektual, pendidikan rohani dan pendidikan sosial kepada anak-anak bermula dari kelahiran bayi hingga besar.

Apakah yang akan berlaku jika ibu bapa tidak melaksanakan tanggungjawab pendidikan anak-anak dengan sempurna.

(4 Markah)

3

a

Kekuatan ekonomi Kerajaan Bani Umayyah bergantung kepada pertanian dan perdagangan.

- (i) Nyatakan **dua** sumber atau hasil ekonomi Kerajaan Bani Umayyah. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Bani Umayyah untuk meningkatkan hasil ekonomi negara. (4 Markah)

b

Ibnu Khaldun menganalisis tamadun dari segi permulaan dan faktor kegemilangan serta kejatuhan.

- (i) Nyatakan **dua** keperibadian Ibnu Khaldun yang boleh diambil iktibar. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan garis panduan penelitian dan analisis laporan sejarah menurut beliau (2 Markah)

c

Berfikir ialah aktiviti penggunaan akal dan minda manusia untuk mengenal, memahami dan menyelesaikan sesuatu perkara.

- (i) Nyatakan **dua** sumber berfikir menurut Islam (2 Markah)
- (ii) Jelaskan cara-cara berfikir yang berkesan. (4 Markah)

Umat Islam di larang berfikir sesuatu perkara yang bertentangan dengan kehendak Islam

- (iii) Apakah yang akan berlaku sekiranya seseorang itu bertindak dengan membelaikan al Quran dan Sunnah? (4 Markah)

4

a

Untuk mewujudkan keamanan dan kesejahteraan negara kerajaan Abbasiyah telah melakukan beberapa pembaharuan dalam bidang ketenteraan.

- (i) Nyatakan pembaharuan yang dibuat oleh kerajaan Abbasiyah dalam bidang ketenteraan. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kejayaan ketenteraan pada zaman kerajaan Abbasiyah. (4 Markah)

b

Imam Malik adalah seorang ulama yang tegas dalam mempertahankan ilmunya.

- (i) Nyatakan bukti ketegasan Imam Malik dalam mempertahankan ilmunya (2 Markah)
- (ii) Jelaskan sumbangan Imam Malik kepada perkembangan tamadun Islam

[Lihat halaman sebelah]

(2 Markah)

- c Islam mengharuskan umatnya bermusafir untuk tujuan yang baik.
- (i) Nyatakan **dua** adab bermusafir sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. (2 Markah)
- (ii) Jelaskan **dua** kesan positif terhadap seorang yang berada ketika musafir. (4 Markah)

**“SOLAT TIDAK BOLEH DIABAIKAN  
WALAUPUN SEMASA BERMUSAFIR”**

- (iii) Bagaimakah cara yang boleh anda lakukan untuk menghayati slogan di atas. (4 Markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

[Lihat halaman sebelah

**SULIT****ARAHAN:** Hitamkan jawapan yang betul NAMA : .....**TING:** .....**(Ikat bersama dengan kertas jawapan Bahagian B)**

<b>1</b>	A	B	C	D
<b>2</b>	A	B	C	D
<b>3</b>	A	B	C	D
<b>4</b>	A	B	C	D
<b>5</b>	A	B	C	D
<b>6</b>	A	B	C	D
<b>7</b>	A	B	C	D
<b>8</b>	A	B	C	D
<b>9</b>	A	B	C	D
<b>10</b>	A	B	C	D
<b>11</b>	A	B	C	D
<b>12</b>	A	B	C	D
<b>13</b>	A	B	C	D
<b>14</b>	A	B	C	D
<b>15</b>	A	B	C	D
<b>16</b>	A	B	C	D
<b>17</b>	A	B	C	D
<b>18</b>	A	B	C	D
<b>19</b>	A	B	C	D
<b>20</b>	A	B	C	D

<b>21</b>	
<b>22</b>	
<b>23</b>	
<b>24</b>	
<b>25</b>	
<b>26</b>	
<b>27</b>	
<b>28</b>	
<b>29</b>	
<b>30</b>	
<b>31</b>	
<b>32</b>	
<b>33</b>	
<b>34</b>	
<b>35</b>	
<b>36</b>	
<b>37</b>	
<b>38</b>	
<b>39</b>	
<b>40</b>	

Bah. A	Markah Objektif	Markah ITK	Jumlah Bah. A	
<b>Bah. B</b>	Soalan 1			
	Soalan 2			
	Soalan 3			
	Soalan 4			
<b>JUMLAH BESAR</b>				

**[Lihat halaman sebelah**

